

PENGARUH PENGINAPAN KE ATAS DISIPLIN PELAJAR
DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

MOHD ASMEDI BIN YAACOB



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: PENGARUH PENGINAPAN KE ATAS DISIPLIN PELAJAR DI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

SESI PENGAJIAN: 2007/2008


Saya MOHD ASMEDI BIN YAACOB (810205-03-5501)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor-Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
JALAN TABIKA KG. MORAK
16040 WAKAF BHARU
KELANTAN

CIK ZURINA BINTI YASAK
Nama Penyelia


Tarikh: 2 APRIL 2008

Tarikh: 2 APRIL 2008

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.”

Tandatangan

: 

Nama Penyelia

: CIK ZURNA BINTI YESAK

Tarikh

: 2 APRIL 2008



PTTA TUN AMINAH
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGARUH PENGINAPAN KE ATAS DISIPLIN PELAJAR DI UNIVERSITI TUN
HUSSEIN ONN MALAYSIA


MOHD ASMEDI BIN YAACOB

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : MOHD ASMEDI BIN YAACOB

Tarikh : 2 APRIL 2008



PTT ALUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

*Teristimewa buat ayahanda dan bonda.....
Terima kasih atas segala doa restu dan pengorbanan kalian*



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia projek, Cik Zurina Binti Yasak di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan komitmen yang telah diberikan. Tanpa bimbingan daripada beliau, kajian ini tidak mungkin akan berjaya.

Penghargaan yang tidak terhingga juga buat semua responden yang telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan kajian ini. Segala jasa dan perhatian daripada kalian akan sentiasa dikenang dan jutaan terima kasih diucapkan.

Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas dorongan, teguran, tunjuk ajar dan nasihat di dalam menyiapkan kajian ini.

Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua, Insha-Allah.



PPTA ALI THM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRAK

Kajian pengaruh penginapan ke atas disiplin pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ini memfokuskan kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti tahap kriteria penginapan dari aspek fizikal dan bukan fizikal yang memberi kesan terhadap penginapan pelajar di UTHM, mengenal pasti kesalahan disiplin pelajar terhadap peraturan tempat penginapan mereka dan mengkaji hubungan signifikan antara disiplin pelajar dengan tahap kriteria tempat penginapan mereka. Sampel kajian dipilih secara rawak yang terdiri daripada 350 pelajar dari lima kolej kediaman iaitu Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, Kolej Kediaman Tun Fatimah, Kolej Kediaman Melewar dan Kolej Kediaman Perwira. Data-data kajian diperolehi daripada soal selidik dan statistik kesalahan disiplin pelajar terhadap peraturan kolej yang direkod oleh setiap Kolej Kediaman. Dapatan kajian menunjukkan kriteria penginapan pelajar dari aspek fizikal dan bukan fizikal berada pada tahap sederhana masing-masing mendapat skor min 3.01 dan 3.47. Kesalahan disiplin pelajar menunjukkan setiap 25 orang pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman melakukan satu kes kesalahan. Dari segi hubungan signifikan antara disiplin pelajar dengan tahap kriteria penginapan pelajar di UTHM menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan berdasarkan perbandingan yang dilakukan. Hubungan ini wujud berdasarkan kajian yang dijalankan di UTHM sahaja namun hubungan ini tidak semestinya wujud di penginapan pelajar di tempat lain.



SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MS
	PENGESAHAN STATUS TESIS	i
	PENGESAHAN PENYELIA	ii
	HALAMAN JUDUL	iii
	HALAMAN PENGAKUAN	iv
	HALAMAN DEDIKASI	v
	HALAMAN PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI JADUAL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xix

BAB I PENDAHULUAN

	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Latar belakang Masalah	2
	1.3	Penyataan Masalah	5
	1.4	Objektif Kajian	6
	1.5	Persoalan Kajian	6

BAB	PERKARA	MS
	1.6 Hipotesis Kajian	7
	1.7 Kerangka Konsep Kajian	7
	1.8 Kepentingan Kajian	8
	1.9 Skop Kajian	9
	1.10 Batasan Kajian	10
	1.11 Definisi Istilah	10
	1.12 Rumusan	13

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kolej Kediaman	14
	2.2.1 Lokasi dan Perancangan Tapak	15
	2.2.2 Ruang dan Bangunan	17
	2.2.3 Aksesibiliti	20
	2.2.4 Keselamatan dalam Kolej Kediaman	21
	2.2.5 Kemudahan dan Keselesaan	23
	2.2.6 Lanskap dan Kehijauan	26
	2.2.7 Pengaruh "Sense of Place"	28
2.3	Komponen Utama Kolej Kediaman	29
	2.3.1 Ruang Kediaman atau Bilik	29
	2.3.2 Ruang Makan	30
	2.3.3 Ruang Beriadah	30
	2.3.4 Tempat Beribadah	31
	2.3.5 Ruang Belajar	31



BAB	PERKARA	MS
	2.3.6 Kemudahan Komunikasi	31
	2.3.7 Kemudahan Membasuh Pakaian	32
	2.3.8 Pejabat Pengurusan	32
	2.3.9 Ruang Untuk Kawalan Keselamatan atau Kecemasan	33
	2.3.10 Ruang Berinteraksi dengan Pelawat dan Keluarga	33
2.4	Organisasi Kolej Kediaman	34
2.5	Kolej Kediaman di UTHM	35
	2.5.1 Kolej Kediaman Tun Syed Nasir	37
	2.5.2 Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail	39
	2.5.3 Kolej Kediaman Tun Fatimah	42
	2.5.4 Kolej Kediaman Melewar	44
	2.5.5 Kolej Kediaman Perwira	46
2.6	Persekitaran	48
	2.6.1 Aspek Fizikal	49
	2.6.2 Aspek Bukan Fizikal	53
2.7	Faktor Penyumbang Kepada Masalah Disiplin	58
2.8	Strategi Penyelesaian Masalah Disiplin Pelajar	59
2.9	Penutup	62

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Lokasi Kajian	67
3.4	Populasi dan Sampel	67

BAB	PERKARA	MS
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	70
3.6	Instrumen Kajian	71
	3.6.1 Borang Soal Selidik	72
	3.6.2 Pembentukan Borang Soal Selidik	72
3.7	Pengesahan Soal selidik	73
3.8	Kajian Rintis	75
3.9	Penganalisan data	75
3.10	Andaian	78
3.11	Rumusan	79

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2	Analisis Borang Soal Selidik	81
	4.2.1 Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Fizikal Kolej Kediaman Tun Syed Nasir	81
	4.2.2 Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal Tun Syed Nasir	83
	4.2.3 Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Fizikal Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail	86
	4.2.4 Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail	87
	4.2.5 Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Fizikal Kolej Kediaman Tun Fatimah	90



BAB	PERKARA	MS
4.2.6	Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal Kolej kediaman Tun Fatimah	92
4.2.7	Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Fizikal Kolej Kediaman Melewar	94
4.2.8	Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal Kolej Kediaman Melewar	96
4.2.9	Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal Kolej Kediaman Perwira	99
4.2.10	Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal Kolej Kediaman Perwira	100
4.2.11	Tahap Kriteria Penginapan Pelajar Dari Aspek Fizikal Dan Bukan Fizikal Kolej Kediaman Di UTHM	103
4.3	Kesalahan Disiplin Pelajar Berdasarkan Rekod Disiplin	104
4.4	Perkaitan antara kriteria persekitaran penginapan pelajar dari aspek fizikal dan bukan fizikal dengan kesalahan disiplin peraturan Kolej Kediaman	108
4.5	Rumusan	110

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	111
5.2	Perbincangan	112
5.2.1	Tahap Kriteria Persekitaran Penginapan Pelajar Dari Aspek Fizikal	112
5.2.2	Tahap Kriteria Persekitaran Penginapan Pelajar Dari Aspek Bukan Fizikal	114

BAJ	PERKARA	MS
5.3	Statistik Kes Kesalahan Disiplin Pelajar Terhadap Peraturan Tempat Penginapan Mereka.	116
5.4	Perkaitan diantara kriteria persekitaran penginapan pelajar dari aspek fizikal dan bukan fizikal terhadap kesalahan disiplin peraturan Kolej Kediaman	118
5.5	Kesimpulan	119
5.6	Cadangan	121
	5.6.1 Cadangan Kepada Pengurusan Kolej Kediaman	121
	5.6.2 Cadangan Kepada Pihak Universiti	122
	5.6.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	122
5.7	Penutup	123

RUJUKAN

124



PTTA UTHM
 PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MS
Rajah 1.1	Kerangka Konsep	8
Rajah 2.1	Rangka Organisasi Struktur Mendatar	34
Rajah 2.2	Rangka Organisasi Struktur Menegak	35
Rajah 2.3	Pelan Kedudukan Kolej Kediaman Dalam Kampus	36
Rajah 2.4	Pelan Kedudukan Kolej Kediaman Luar Kampus	36
Rajah 2.5	KKTSN yang berada di dalam kampus	37
Rajah 2.6	Kawasan KKTSN berhampiran dengan kafeteria dan koperasi	38
Rajah 2.7	Kawasan rehat disediakan untuk kegunaan para pelajar dan pelawat	38
Rajah 2.8	Kerusi rehat yang disediakan di sekitar kolej kediaman	39
Rajah 2.9	Pandangan hadapan KKTDI	40
Rajah 2.10	KKTDI menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelajar	40
Rajah 2.11	Bangunan tempat penginapan pelajar KKTDI	41
Rajah 2.12	KKTDI berada berhampiran dengan bangunan akademik	41
Rajah 2.13	Pandangan hadapan KKTF.	42
Rajah 2.14	Kolej kediaman ini menyediakan blok kediaman untuk pelajar	43
Rajah 2.15	Persekitaran pembelajaran yang selesa untuk pelajar	43
Rajah 2.16	Pintu pagar hadapan Kolej Kediaman	44
Rajah 2.17	Tempat penginapan yang disediakan kepada pelajar	44
Rajah 2.18	Tempat penginapan berbentuk rumah teres	45
Rajah 2.19	Kerusi rehat yang disediakan di sekitar kolej kediaman	45
Rajah 2.20	Pintu pagar hadapan Kolej Kediaman Perwira	46

NO. RAJAH	PERKARA	MS
Rajah 2.21	Tempat penginapan berbentuk pangsapuri	46
Rajah 2.22	Kerusi rehat yang disediakan di sekitar kolej kediaman	47
Rajah 2.23	Kawasan kolej kediaman yang berpagar untuk tujuan keselamatan	47
Rajah 2.24	Hierarki Ruang Kediaman Pelajar	51
Rajah 3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	65
Rajah 3.2	Kaitan antara dua Paradigma Penyelidikan	66



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MS
Jadual 2.1	Ciri penting sesebuah tapak kampus dan kolej kediaman	16
Jadual 2.2	Kriteria lanskap kampus dan asrama	27
Jadual 2.3	Senarai Pengetua dan Felo Kolej Kediaman di UTHM	54
Jadual 3.1	Populasi Kajian	68
Jadual 3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel	69
Jadual 3.3	Pemilihan Sampel Kajian	70
Jadual 3.4	Skala Likert	73
Jadual 3.5	Kesahan Pakar Soal Selidik	74
Jadual 3.6	Interpretasi Tahap Julat Min	76
Jadual 3.7	Penganalisan Data Kajian	76
Jadual 4.1	Jumlah edaran borang soal selidik	81
Jadual 4.2	Skor min untuk Bahagian A:Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Fizikal) Kolej Kediaman Tun Syed Nasir	82
Jadual 4.3	Skor min untuk Bahagian B: Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Bukan Fizikal) Tun Syed Nasir	83
Jadual 4.4	Skor min untuk Bahagian A:Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Fizikal) Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail	86
Jadual 4.5	Skor min untuk Bahagian B: Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Bukan Fizikal) Tun Dr. Ismail	88
Jadual 4.6	Skor min untuk Bahagian A:Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Fizikal) Kolej Kediaman Tun Fatimah	90

NO. JADUAL	PERKARA	MS
Jadual 4.7	Skor min untuk Bahagian B: Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Bukan Fizikal) Tun Fatimah	92
Jadual 4.8	Skor min untuk Bahagian A:Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Fizikal) Kolej Kediaman Melewar	95
Jadual 4.9	Skor min untuk Bahagian B: Persekitaran Tempat Penginapan (Aspek Bukan Fizikal) Kolej Kediaman Melewar	96
Jadual 4.10	Skor min untuk Bahagian A:Persekitaran Tempat Penginapan Dari Aspek Fizikal bagi Kolej Kediaman Perwira	99
Jadual 4.11	Skor min untuk Bahagian B:Persekitaran Tempat Penginapan Dari Aspek Bukan Fizikal bagi Kolej Kediaman Perwira	101
Jadual 4.12	Purata Min Keseluruhan Kolej Kediaman di UTHM	103
Jadual 4.13	Kesalahan Pelajar Terhadap Peraturan Kolej Kediaman Bagi Setiap Kolej Kediaman	105
Jadual 4.14	Perkaitan kriteria penginapan pelajar terhadap disiplin pelajar	108



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MS
A	Carta Gant	135
B	Surat Kebenaran KPTM	137
C	Surat Kebenaran Mendapat Data Kajian	140
D	Data Kesalahan Disiplin	143
E	Borang Soal Selidik	148
F	Borang Pengesahan/Semakan Soal Selidik	154
G	Keputusan Analisis Data (SPSS)	159



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penginapan pelajar institut pengajian tinggi yang paling awal didokumenkan di negara Barat ialah Universiti Oxford dan Universiti Cambridge di England pada kurun ke 13 (Koch, Wesse dan Stickney, 2003). Menurut mereka lagi penginapan awal ini merangkumi bukan sahaja tempat tinggal tetapi meliputi keseluruhan tempat pembelajaran, penginapan dan sosialisasi.

Penginapan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) disediakan sejak wujudnya universiti di negara kita lagi (Christopher, 1990). Menurut beliau di peringkat awal terdapat sistem asrama yang menawarkan bilik-bilik standard dan berkongsi ramai bagi para pelajar dengan kemudahan tempat makan termasuk penyediaan makanannya sekali. Di samping itu keselamatan pelajar juga diberikan perhatian.

Menurut Murrel dan Denzine (1998), penginapan pelajar memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang ke arah proses pembelajaran dan perkembangan kognitif pelajar. Oleh itu tempat penginapan pelajar mampu menjadi pusat pembangunan



PTTA ALITHM
PERPUSTAKAAN FUNKU TUN AMINAH

dalam membentuk sahsiah dan disiplin pelajar yang akan diteruskan di alam pekerjaan nanti.

Kesan penginapan dianggap penting kerana persekitarannya mempengaruhi kesejahteraan dan kesihatan seseorang pelajar serta sebahagian besar daripada perbelanjaan pelajar dilaborkan kepada tempat penginapan (Murrel dan Denzine, 1998). Selain itu juga, Abdul Latif, (2001) menyatakan bahawa penginapan pelajar dilihat sebagai pusat pembinaan insan dan disiplin pelajar dalam sistem pendidikan universiti untuk meningkatkan kualiti hidup pelajar. Oleh itu aspek disiplin dan penginapan mempunyai peranan penting yang seiring untuk membangunkan pelajar secara keseluruhannya. Kedua-dua komponen ini perlu saling melengkapi antara satu sama lain.

1.2 Latar belakang Masalah

Beudin dan Halpern (1997) mengatakan bahawa pihak pentadbiran universiti perlu melihat aspek petempatan atau perumahan pelajar sebagai sebahagian daripada misi pendidikan bagi sesebuah universiti. Menurut mereka lagi, kepuasan pelajar terhadap sesebuah universiti secara menyeluruh termasuk infrastruktur, pentadbiran, hal ehwal pelajar, pembangunan pendidikan merupakan petunjuk yang paling penting dalam menentukan keberkesanan institusi tersebut ke arah misi dan objektif penubuhan universiti.

Kualiti hidup pelajar semasa berada di universiti sebahagiannya dipengaruhi oleh tempat kediaman mereka. Kualiti hidup ditakrifkan sebagai merangkumi kemajuan diri,

gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperoleh pengetahuan serta taraf hidup yang melebihi kepuasan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara (Unit Perancang Ekonomi, 1999).

Salah satu daripada atribut prasyarat kepada dunia pekerjaan atau keperluan utama majikan ialah kemahiran berkomunikasi, sama ada secara langsung atau sebaliknya (Sulaiman Masri, 1997 dan Abdul Latif, 2002). Oleh itu pelajar hendaklah sentiasa berinteraksi dengan persekitaran tempat penginapan mereka, dimana pelajar dapat menggunakan pengalaman ini di alam pekerjaan nanti.

Gaya pembelajaran juga merupakan komposisi daripada faktor-faktor seperti sifat psikologikal, kognitif dan berkesan yang berperanan sebagai suatu penunjuk mengenai bagaimana seseorang individu bertindak balas atau berinteraksi terhadap sesuatu suasana persekitaran pembelajaran (Ann, 2000). Justeru itu suasana persekitaran pembelajaran mempunyai pengaruh kepada sahsiah diri pelajar.

Persekitaran dikatakan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi Personaliti atau sahsiah diri seseorang individu kearah pencapaian yang baik dalam pelajaran (Abdullah Sani 2005). Menurut beliau lagi faktor persekitaran seperti rakan sebaya dapat mempengaruhi pembentukan disiplin pelajar dengan lebih matang. Rakan sebaya mempunyai nilai-nilai yang tersendiri. Rakan sebaya juga mempunyai pengaruh yang ketara dalam mempengaruhi disiplin pelajar.

Pelajar di kolej kediaman secara signifikan menjalinkan interaksi sosial yang lebih kerap dengan rakan sebaya dan staf universiti (Chickering, 1998). Astin, (1997) pula menyatakan semakin aktif pelajar melibatkan diri dengan aktiviti kolej, semakin



besarlah kemungkinan mereka untuk tinggal di kolej kediaman. Pascarella, Terenzini dan Blimbing (1994) turut melaporkan bahawa pelajar di kolej kediaman mempunyai tahap interaksi dan integrasi sosial yang signifikan, malah mempunyai kepuasan dan komitmen yang signifikan terhadap kolej kediaman. Ini menunjukkan bahawa hubungan pelajar dengan persekitaran sangat penting dalam hidup bermasyarakat.

Interaksi pelbagai hala antara pelajar dan elemen-elemen dalam persekitaran dapat membantu dan menyokong dalam menghadapi cabaran dan menggunakan strategi yang bijak dalam menyesuaikan diri dengan budaya pembelajaran sehingga mampu menjadi pelajar cemerlang (Christopher, 1990). Interaksi yang pelbagai dalam kalangan pelajar di tempat penginapan membantu pelajar menimba ilmu keperibadian dan disiplin diri yang baik.

Faktor utama mempengaruhi disiplin pelajar mempunyai perkaitan rapat dengan cara didikan dan asuhan di rumah. Sikap ibu bapa berupa penekanan dapat mempengaruhi perkembangan anak-anak mereka dari segi sahsiah diri. Sikap ibu bapa yang membantah keras langkah kementerian mengetatkan disiplin, sedikit sebanyak mendorong kearah kemerosotan disiplin pelajar.

Penempatan di kolej kediaman mengikut klasifikasi tertentu (residential grouping) juga berupaya meningkatkan prestasi akademik dan kualiti antara perseorangan dalam kehidupan kampus pelajar (Pascarella dan Taranzini, 2001). Feldmen (2002) yang melaporkan kesan penempatan yang berpunca daripada faktor rakan sebaya bukan sahaja lebih cenderung untuk berinteraksi lebih kerap dengan pelajar dalam bidang yang sama, mereka juga lebih cenderung memilih kawan rapat di kolej kediaman yang sama.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang menawarkan tempat penginapan kepada pelajar. Tempat penginapan ini terletak di dalam dan luar kampus. Namun begitu terdapat juga pelajar yang menginap di rumah sewa di sekitar universiti. Adakah penginapan pelajar yang berbeza-beza telah memberi kesan ke atas disiplin pelajar di UTHM?

1.3 Penyataan Masalah

Tempat penginapan dilihat sebagai pusat pembinaan insan dalam sistem pendidikan universiti untuk meningkatkan kualiti hidup pelajar (Norizan Yahaya, 2005). Menurut beliau lagi kualiti hidup pelajar semasa berada di universiti sebahagiannya dipengaruhi oleh tempat petempatan mereka. Doris (1993) dalam Liao (2000) mencadangkan adalah sesuai jika penginapan bagi setiap pelajar diuji atau dinilai. Menurut Nor Asiah Mohamad, (2006) keharmonian tempat penginapan pelajar juga dipengaruhi oleh penghuni-penghuni yang berdisiplin, berperibadi unggul, bertoleransi, mengambil berat serta ingat memperingati antara satu sama lain.

Menurut statistik disiplin pelajar yang disediakan oleh Unit Tata tertib Mahasiswa Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia terdapat 66 kes kesalahan disiplin yang telah direkodkan. Justeru, penyelidik akan meninjau dan mengkaji sejauh mana penginapan pelajar dapat mempengaruhi disiplin pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini adalah untuk meninjau dan mengenal pasti perkara-perkara berikut dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

- i. Mengenal pasti tahap kriteria penginapan dari aspek fizikal dan bukan fizikal yang mempengaruhi penginapan pelajar di UTHM.
- ii. Mengenal pasti kesalahan disiplin pelajar terhadap peraturan tempat penginapan mereka.
- iii. Mengkaji hubungan signifikan antara disiplin pelajar dengan tahap kriteria tempat penginapan mereka.

1.5 Persoalan Kajian

Berhubung dengan objektif kajian yang dinyatakan, berikut adalah persoalan kajian yang timbul:

- i. Apakah tahap kriteria penginapan dari aspek fizikal dan bukan fizikal yang mempengaruhi penginapan pelajar di UTHM ?
- ii. Apakah kesalahan disiplin pelajar terhadap peraturan tempat penginapan mereka?
- iii. Apakah terdapat hubungan signifikan antara disiplin pelajar dengan tahap kriteria tempat penginapan mereka ?



1.6 Hipotesis Kajian


Menurut Mohd. Majid Konting, (1990) hipotesis adalah satu saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji. Hipotesis adalah mengarah kepada jangkaan dan ramalan antara pembolehubah. Dalam kajian ini, hipotesis null (H_0) dan hipotesis alternatif (H_a) kajian ialah:

H_0 : Tidak wujud perkaitan yang signifikan secara statistik antara penginapan pelajar dengan disiplin pelajar UTHM.

H_a : Wujud perkaitan yang signifikan secara statistik antara penginapan pelajar dengan disiplin pelajar UTHM.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kerangka konsep kajian seperti dalam Rajah 1.1. Berdasarkan kerangka konsep, disiplin pelajar akan dikaitkan dengan penginapan pelajar yang tinggal di lima buah Kolej Kediaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia iaitu Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, Kolej Kediaman Tun Fatimah, Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Melewar. Kajian akan dilakukan untuk menentukan sekiranya terdapat sebarang perkaitan antara disiplin dan penginapan pelajar. Persekitaran kondusif penginapan pelajar difokuskan kepada dua aspek iaitu aspek fizikal dan aspek bukan fizikal. Selain daripada itu, penyelidik juga mengkaji berhubung dengan disiplin pelajar terhadap peraturan Kolej Kediaman.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dilaksanakan ini diharapkan dapat memberi kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat terutama para pelajar dan pihak pengurusan kolej kediaman amnya. Secara tidak langsung, kajian ini diharapkan dapat:

- i. Menentukan kriteria dan suasana persekitaran kolej kediaman yang membantu dalam proses pembelajaran pelajar.

- ii. Membantu dalam mendorong dan meningkatkan tahap pengurusan tempat penginapan pelajar.
- iii. Sebagai garis panduan kepada pihak yang terlibat dalam reka bentuk penyediaan pelan kolej kediaman untuk keselesaan dan kebajikan pelajar.

1.9 Skop Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada reka bentuk persekitaran kondusif kolej kediaman dari dua aspek iaitu aspek fizikal dan aspek bukan fizikal. Kolej Kediaman pula diskopkan kepada lima buah Kolej Kediaman di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu:

- i. Kolej Kediaman Tun Syed Nasir,
- ii. Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail,
- iii. Kolej Kediaman Tun Fatimah,
- iv. Kolej Kediaman Perwira dan
- v. Kolej Kediaman Melewar

Disiplin pelajar pula memfokuskan kepada disiplin pelajar terhadap peraturan yang disediakan oleh Kolej Kediaman sahaja.

1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini memerlukan tinjauan dilaksanakan kepada semua pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Namun begitu, penyelidik hanya membataskan kajian ini kepada pelajar UTHM yang mendiami kolej-kolej kediaman dalam dan luar kampus sahaja.

1.11 Definisi Istilah

Definisi istilah digunakan untuk menerangkan sesuatu istilah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Di antara istilah-istilah tersebut ialah:

(i) **Pengaruh**

Pengaruh menurut Kamus Dewan (2002) ialah daya atau kebolehan yang dapat mengubah perangai (kepercayaan) orang; kuasa yang dapat mengubah sikap atau menarik perhatian orang. Dalam konteks kajian ini, pengaruh adalah daya dalam aspek persekitaran kolej kediaman yang dapat mengubah tingkah laku dan perangai pelajar dalam proses pembelajaran dalam kehidupan.

(ii) **Persekitaran**

Persekitaran dalam konteks kolej kediaman adalah persekitaran yang dapat melahirkan para graduan serta kakitangan akademik yang antarabangsa sifatnya dan cemerlang, gemilang dan terbilang dan berbilang pencapaian akademik, penyelidikan dan sahsiahnya (Hussain Othman *et. al*, 2005). Terdapat dua aspek penting berkaitan persekitaran asrama iaitu spek fizikal dan aspek bukan fizikal.

Aspek Fizikal	Aspek Bukan Fizikal
Meliputi reka bentuk fizikal bangunan dan kemudahan yang disediakan.	Peranan kolej kediaman sebagai tempat menyediakan peluang ke arah pembangunan intelek dan sahsiah pelajar yang meliputi perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang kecemerlangan intelektual dan sahsiah pelajar secara menyeluruh.

(iii) **Kolej kediaman**

Menurut Mohamed Fadzil (2005), kolej kediaman boleh ditakrifkan sebagai satu penyelarasan unit pengurusan psiko-sosial yang mengandungi dua atau lebih individu yang memainkan peranan untuk mencapai matlamat secara bersama.

Dalam kajian ini, kolej kediaman merujuk kepada lima kolej kediaman utama di UTHM iaitu Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, Kolej Kediaman Tun Fatimah, Kolej Kediaman Melewar dan Kolej Kediaman Perwira.

(iv) **Disiplin**

Disiplin adalah peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik atau latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tatatertib atau hukuman atau denda kerana melanggar sesuatu peraturan yg ditetapkan (Kamus Dewan 2005). Menurut Abdullah Sani, 2005 disiplin ialah peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman ataupun ganjaran.

(v) **UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan IPTA ke 15 Negara. Ditubuhkan secara rasminya pada 27 September 2000 dengan pengkhususan kepada bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Pengurusan Teknologi serta Pendidikan Teknik dan Vokasional. Asalnya sebagai Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP) pada 1993 sebelum dinaik taraf kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 1996 di bawah pentadbiran Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada 30 September 2000, Yang Berhormat Tan Sri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan kenaikan taraf ITTHO sebagai sebuah kolej universiti. Ia dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn atau KUiTTTHO (KUiTTTHO). Dan kemudiannya dinaiktaraf menjadi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 2 Febuari 2007. UTHM komited dalam melaksanakan pengurusan berkualiti dan ini terbukti melalui penyerahan sijil MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM untuk pelaksanaan pengurusan akademiknya sejak akhir tahun 2001.



1.12 Rumusan

Kajian terhadap penginapan pelajar yang belajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah penting bagi mengetahui disiplin pelajar bagi melahirkan pelajar yang cemerlang. Penyelidik mengemukakan item penting yang menjadi aspek utama dalam penyelidikan di dalam bab ini. Item tersebut adalah pernyataan masalah yang menjadi perkara penting dalam penyelidikan ini iaitu menguji kesan penginapan ke atas disiplin pelajar. Namun begitu pelajar ini akan dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Di samping itu dikemukakan persoalan kajian yang merupakan panduan kepada pencapaian tujuan penyelidik.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur melibatkan kajian kolej kediaman, persekitaran dan disiplin pelajar. Di dalam bab ini, beberapa kaedah digunakan untuk mendapatkan maklumat seperti mengumpulkan dokumentasi bahan rujukan dan sebagainya. Dokumentasi bahan rujukan termasuklah koleksi prosiding, jurnal, buku dan artikel. Kajian ini menjurus kepada dua bahagian iaitu persekitaran kolej kediaman dan masalah disiplin pelajar.

2.2 Kolej Kediaman

Kolej kediaman boleh ditakrifkan sebagai satu penyelarasan unit pengurusan psiko-sosial yang mengandungi dua atau lebih individu yang memainkan peranan untuk mencapai matlamat secara bersama (Mohamed, 2005). Matlamat institusi ini secara khusus ialah bertujuan untuk mewujudkan dan memainkan peranan membantu memperkembangkan elemen-elemen psikologi, sosiologikal, fizikal dan kerjaya para

penghuninya ke arah pencapaian sendiri, masyarakat serta mengikut aspirasi negara. Kolej Kediaman terbahagi kepada dua iaitu kolej kediaman di dalam kampus dan di luar kampus.

Menurut Shuhana (2007) pula, kolej kediaman merupakan bangunan yang menyediakan kemudahan tempat tinggal bagi para pelajar. Ia dikendalikan seolah-olah seperti rumah di mana setiap satunya berfungsi sebagai satu set bilik awam untuk tinggal, makan, belajar dengan dikelilingi oleh bilik tidur yang diletakkan berkelompok dengan bilik air.

2.2.1 Lokasi dan Perancangan Tapak

Menurut Carney (2001), lokasi sesebuah institusi itu sendiri merupakan faktor yang paling ketara menyumbang kepada tahap penyertaan dalam kalangan pelajar. Luscombe (2001) pula menyatakan, tidak kira di mana lokasi sesebuah kampus sama ada terasing secara geografi, dekat dengan bandar atau dikelilingi dengan kawasan metropolitan, ia boleh dimanfaatkan sebagai kelebihan pendidikan (*educational advantage*). Sehingga kini, tiada sebarang piawaian bagi menentukan saiz optimum tapak sesebuah kolej atau universiti (Davies, 2000). Berdasarkan rujukan kepada amalan perancangan semasa, minimum luas tapak adalah 50 ekar bagi setiap 1,000 pelajar.

Dalam menentukan lokasi kampus atau kolej kediaman, Davies (2000) telah mengemukakan elemen saiz, lokasi, nilai estetik, potensi pembangunan, kemudahan dan topografi sebagai pertimbangan asas yang perlu diambil kira. Livine (1998) pula telah mengemukakan 10 faktor iaitu kos tanah, lokasi,

kemudahan, topografi, keadaan tapak, bentuk muka bumi (*shape of the land*), wujud atau tidaknya gangguan, guna tanah kawasan berhampiran, kawasan yang berdekatan dengan utiliti serta iklim mikro sesuatu tempat. Selain daripada pertimbangan asas sewaktu pemilihan tapak, Davies (2000) telah mengemukakan lima ciri yang diperlukan bagi sebuah tapak kampus atau kolej kediaman seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Ciri Penting Sesebuah Tapak Kampus Dan Kolej Kediaman.

Ciri-ciri	Tapak Keterangan
Lokasi	Lokasi kampus dan kolej kediaman perlulah mudah untuk dihubungi sama ada dengan menggunakan kenderaan persendirian ataupun kenderaan awam. Ia perlu diletakkan di kawasan di mana pembangunan sekitar adalah bersesuaian dengan pembangunan universiti tersebut.
Keindahan semula jadi	Keindahan semula jadi adalah elemen penting bagi sebuah kampus dan kolej kediaman yang ideal. Walaupun diakui tidak semua tapak memiliki keindahan semulajadi, usaha perlu dibuat untuk memilih tapak dengan pelbagai ciri keindahan semula jadi atau tapak di mana pengindahan kawasan sekitar berpotensi untuk dilakukan.
Bebas dari bahaya	Risiko keselamatan adalah pertimbangan utama dalam penentuan tapak. Antara kawasan yang perlu dielakkan adalah berhampiran lebuh raya utama. Kampus dan kolej kediaman dalam kawasan perindustrian perlu mengelakkan lokasi yang terdedah kepada bahaya letupan.
Bebas dari risiko kesihatan	Kampus dan kolej kediaman perlu dielakkan daripada lokasi di mana pengumpulan kabut atau gas beracun, jauh daripada pusat insinerator, 'fertilizer' atau 'rendering plants' serta kawasan perindustrian seperti kilang penapisan minyak atau cat yang akan menghasilkan asap. Tapak kampus dan kolej kediaman perlu

	menghindar daripada sumber pencemaran udara.
Bebas dari bunyi bising, getaran atau sebarang gangguan	Kampus dan kolej kediaman perlu diletakkan jauh daripada sebarang sumber bunyi bising, getaran atau faktor-faktor yang boleh menjejaskan tumpuan pembelajaran pelajar. Lokasi berdekatan sumber bau yang boleh mengalihkan perhatian contohnya kilang coklat dan kilang ikan sungguhpun tidak berbahaya dari segi keselamatan perlulah dihindari.

Sumber: Davies (2000)

2.2.2 Ruang dan Bangunan

Secara teorinya, aktiviti manusia mengambil tempat di dalam ruang. Untuk bertindak secara efektif, manusia memerlukan gambaran mental terhadap ruang. Gambaran mental tersebut terbina berdasarkan kepada elemen yang wujud di dalam ruang tersebut serta hubungan spatial di antaranya berasaskan satu tempoh masa. Ia dialami atau dapat dihayati dari pelbagai sumber sama ada dengan melihat, mendengar, menyentuh, menggambarkan (*imagining*) malah melalui bahasa. Dari satu sudut lain, semua hidupan bergantung kepada persekitaran di sekelilingnya untuk menyokong kehidupan (Carney, 2001). Ini disokong dengan kenyataan Norhanim (2005) yang menyatakan, kelakuan lazimnya dibatasi oleh beberapa ciri persekitaran fizikal. Ia tidak hanya berpandukan kepada matlamat diri tetapi juga menerusi proses kognitif yang dilaluinya, bergantung kepada bagaimana individu tersebut membaca, menginterpretasi dan menggambarkan persekitarannya. Gambaran di atas secara langsung memperlihatkan pentingnya perancangan ruang dan bangunan dalam kampus dan kolej kediaman bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Kejayaan sesebuah kampus dan kolej kediaman bergantung kepada keseluruhan organisasi dan imej, hubungan di antara bangunan serta perancangan ruang di dalamnya (Mohamed, 2005). Dari segi reka bentuk, iklim tempatan (*local climate*) serta budaya sesebuah tempat adalah mempengaruhi (Murrel, 1998). Dalam usaha menggalak dan memastikan ruang yang tersedia digunakan dalam kalangan pelajar, elemen reka bentuk; susun atur, penawaran dan fleksibiliti '*campus setting*' adalah antara aspek yang perlu diberi perhatian. Ruang yang dapat menggalakkan individu untuk memperuntukkan masa berinteraksi, adalah penting dalam menyokong kualiti sosial dalam kehidupan kampus malah disifatkan sebagai ruang '*sociopetal*' atau '*socially catalytic*' yang dapat berperanan mengatasi masalah keterasingan (*personal isolation*) yang masih wujud dalam persekitaran akademik kompetitif semasa (Carney, 2001).

Interaksi di kalangan komuniti didorong oleh adanya penawaran ruang dalaman dan luaran (*indoor and outdoor space*) di mana individu atau orang ramai boleh datang bersama-sama (*can come together*) sekali gus menggalakkan interaksi spontan atau tidak formal di kalangan pelajar (Carney, 2001). Tingkah laku (*behaviours*) menjadi aspek penting dalam menentukan '*space meanings*' (Knirk, 1979). Satu contoh yang mudah, penentuan untuk pergi ke sesuatu tempat biasanya berdasarkan jangkaan awal tentang apakah yang boleh dilakukan di tempat tersebut. Dalam penyelidikan berhubung persekitaran tingkah laku, ruang luaran ada kalanya dianggap sebagai bilik. Jenis, kekerapan dan jangka masa aktiviti yang berlaku di dalamnya adalah kontigen kepada persekitaran fizikalnya (Norhanim, 2005).

Menurut Carney (2001), pergerakan manusia (contohnya pergi ke sesuatu arah, duduk di penghujung sesebuah bilik atau keluar dari sesebuah bangunan) dipengaruhi oleh keadaan struktur fizikal dan reka bentuk yang membenarkan beberapa pilihan dibuat. Dilihat dari perspektif tingkah laku pula, reka bentuk kampus dan kolej kediaman serta ruang-ruangnya bukanlah sekadar mewujudkan ruang yang berfungsi,

'mood' atau 'atmosphere' malahan ia juga cenderung mewujudkan perlakuan tertentu (Knirk, 1979). Reka bentuk yang berskala manusia sebagai contoh cenderung menggalakkan penyertaan dan penglibatan yang lebih besar. Seperti mana pengaruh lokasi yang dapat menjanakan lebih peluang untuk penyertaan, reka bentuk fizikal yang berskala manusia juga mampu menggalakkan penyertaan pelajar dan mendorong mereka untuk sama-sama terlibat sekaligus memperuntukkan masa untuk bersama-sama pelajar lain (Shuhana, 2007). Elemen yang berskala manusia membolehkan pelajar menjadi lebih 'familiar' dan berasa selesa (*feel competent*) terhadap persekitaran mereka. Jelasnya, ia mampu menghasilkan 'a sense of efficacy and confidence' (Carney, 2001).

Proses pembelajaran tidak hanya terhad di dalam kelas, auditorium atau makmal. Ia boleh berlaku di semua tempat tidak kira di mana-mana. Malah, beberapa proses pembelajaran yang sangat produktif didapati berlaku secara tidak formal, tanpa mengikut perancangan awal atau tidak dirancang sama sekali. Justeru, persekitaran kampus dan kolej kediaman dan bangunan di dalamnya perlu menyediakan tempat yang dapat menggalakkan pembelajaran secara tidak formal ini (*Campus Design Guidelines, 2001*). Knirk (1979) telah mengemukakan beberapa keperluan bagi ruang pembelajaran iaitu penggunaan ruang yang pelbagai dan fleksibel, kepelbagaian saiz, ruang belajar bersendirian (*individual student study areas*) dengan persekitaran visual dan bunyi yang 'privacy', capaian kepada media pembelajaran yang lebih luas, serta ruang yang mewujudkan suasana yang menarik dan secara psikologinya dapat merangsang pembelajaran.

2.2.3 Aksesibiliti

Aksesibiliti yang baik adalah perlu bagi memastikan capaian terhadap semua kemudahan dalam kampus atau kolej kediaman adalah tersedia kepada semua pelajar (Levine, 1998). Kolej kediaman seharusnya cenderung mempunyai laluan yang mudah, pergerakan yang lancar setiap masa (Carney, 2001). Tanpa akses ke kampus serta capaian kepada kemudahan dan peluang yang ada, “*sense of inclusion*” di kalangan pelajar akan terancam (Strange, 2001). Ini disokong oleh kenyataan, Lynch (1971) yang menyifatkan pergerakan sebagai satu pemboleh ubah yang boleh dipengaruhi oleh bentuk dan kandungan sesuatu ruang. Selain menjadi penghubung antara kawasan, sistem pengangkutan menerusi rangkaian sirkulasi juga dapat mengukuhkan hubungan di antara kawasan terbabit. Terdapat empat reka bentuk asas bagi jaringan atau rangkaian pergerakan iaitu jejari (*radial*), bulatan (*ring*), grid dan lurus (*linear*).

1. Jejari (*radial*)

Mempunyai pusat yang jelas dengan garisan menghala ke luar. Justeru pergerakan mempunyai titik asal (*origin*), destinasi dan persimpangan yang lazim, maka isipadu yang tiba di kawasan pusat dapat dikawal sekali gus menjadikan rangkaian ‘radial’ sebagai aliran perjalanan yang paling praktikal. Ia dapat berfungsi dengan baik untuk pengumpulan dan pengagihan lalu lintas menuju ke sempadan mahupun dari sempadan (Richard, 1999). Bagi memintas pusat bagi sistem ‘radial’ tersebut, sistem “*ring road*” diperkenalkan (Richard, 1999). Pola reka bentuk jejari sangat sesuai bagi sistem sirkulasi berskala kecil seperti kampus (Richard, 1999).

2. Grid

Grid segi empat sama merupakan bentuk jaringan yang paling kerap diaplikasikan. Ia boleh disesuaikan mengikut topografi dan diubah suai dari segi saiz dan kekerapan untuk menampung permintaan terhadap lalu lintas yang berbeza-beza tanpa menjejaskan kekuatannya dari segi reka bentuk geometri yang mudah difahami (Richard, 1999).

3. Lurus (linear)

Sistem sirkulasi yang lurus mengandungi satu atau sepasang garisan yang menampung pergerakan dari satu titik ke satu titik. Garisan tersebut mungkin dihubungkan bersama secara lengkungan, bujur atau bulat. Garisan utama akan berperanan sebagai tulang belakang dengan garisan-garisan kecil yang mengagihkan laluan. Lazimnya sistem sirkulasi yang lurus digunakan untuk landasan kereta api dan 'water rights-of-way' serta laluan pejalan kaki merentasi 'superblocks'. Bagi pergerakan kenderaan, secara keseluruhannya ia adalah sistem tambahan yang banyak didapati di kebanyakan kawasan bandar (Richard, 1999).

2.2.4 Keselamatan dalam Kolej Kediaman

Komuniti akademik perlu dilengkapi dengan akses yang selesa dan selamat yang dapat menghubungkan kesemua kemudahan kepada semua pengguna. Ia juga perlu dilengkapi dengan persekitaran yang dapat meminimumkan konflik di antara pejalan kaki dengan kenderaan selain kemudahan seperti tempat letak kenderaan yang mencukupi (Carney, 2001). Menurut beliau lagi, strategi ke arah mewujudkan

persekitaran yang selamat dalam kampus melibatkan aspek fizikal dan psikologi dalam erti kata bebas dari gangguan fizikal, perasaan selamat serta pengalaman '*sense of belonging*'. Dari segi cabaran dan penyelesaiannya pula bergantung kepada dimensi persekitaran fizikal, komposisi '*human aggregates*', penyusunan struktur organisasi, serta pembinaan dan pembentukan budaya dalam kampus (Carney, 2001). Carney (2001) menyatakan, peranan persekitaran fizikal kampus serta asrama berhubung isu keselamatan dapat dijelaskan menerusi pertimbangan terhadap dua konsep utama iaitu pertamanya kesan daripada kepelbagaian ciri reka bentuk kampus dan asrama, dan keduanya kepentingan konsep '*territoriality*' dan '*defensible space*'.

Dari segi kepelbagaian ciri reka bentuk, Lynch (1971) menyatakan, hampir separuh daripada vandalisma yang berlaku di institusi pengajian adalah berpunca daripada kelemahan reka bentuk. Dalam konteks ini, Knirk (1979) telah mengemukakan pemboleh ubah geografi, meteorologi dan seni bina sebagai dimensi persekitaran yang perlu diambil kira. Pemboleh ubah geografi kampus (*campus geographic variables*) misalnya memberi kesan kepada reka bentuk secara makro dan mikro. Di peringkat makro, isu-isunya adalah berhubung lokasi wilayah (*regional location*). Sebagai contoh, corak gangguan atau kekacauan yang berlaku dalam konteks jenis dan masanya adalah berbeza mengikut keadaan cuaca, ciri semula jadi serta lokasi (bandar atau luar bandar) wilayah tersebut. Pemboleh ubah reka bentuk mikro pula sebagai contoh adalah perletakkan bangunan kampus dan asrama yang boleh mempengaruhi masalah jenayah dalam persekitaran institusi berkenaan.

Bangunan yang terpencil dan terceruk dengan keadaan pencahayaan yang lemah serta bangunan yang tidak begitu mudah untuk dilihat akan menjadi tumpuan utama kepada penceroboh (Levine, 1998). '*Territoriality*' adalah set perlakuan dan tanggapan individu atau sesuatu kelompok, yang menjadi dasar kepada mereka untuk 'melihat' persekitaran fizikal (Richard, 1999). Menurut Luscombe (2001), terdapat tiga proses asas di mana "*defensible space*" dapat menyumbang kepada keselamatan

kampus. Pertamanya, ruang kampus yang kelihatan terkawal akan membuatkan penceroboh beranggapan bahawa penghuninya akan cepat bertindak-balas terhadap gangguan. Kedua, ruang kampus yang dikawal akan menggalakkan penghuninya menjalinkan hubungan yang lebih erat sekali gus memupuk kesedaran yang tinggi bagi menghalang ancaman oleh penceroboh luar. Ketiga, “*defensible space*” dapat menghalang kejadian jenayah dengan meningkatkan perasaan “*territoriality*” di kalangan penghuninya serta keinginan untuk melindungi tempat mereka.

2.2.5 Kemudahan dan Keselesaan

1. Faktor Jarak

Kemudahan kampus dan kolej kediaman yang sempurna mampu menyediakan persekitaran untuk pembelajaran yang lebih pantas (Norhanim, 2005). Dari segi keselesaan pula, persekitaran fizikal kampus dan kolej kediaman adalah kriteria penting yang menjadi tarikan pelajar dan mempengaruhi dan menentukan keselesaan mereka terhadap sesebuah institusi (Carney, 2000). Menurut Richard (2000), seorang lelaki boleh berjalan dengan selesa namun jarak yang dapat diliputinya bergantung kepada topografi, cuaca serta kecondongan. Wanita yang membawa bungkusan barangan pula dikatakan boleh berjalan tidak lebih daripada 600 kaki (183 meter) apabila berjalan daripada kompleks membeli-belah menuju ke keretanya. Secara keseluruhannya, 10 minit berjalan kaki merupakan jarak konvensional bagi pelajar kolej atau universiti untuk pergerakan antara kelas. Dalam keadaan yang baik, seorang atlet boleh berlari sejauh 1 batu (1.6km) dalam tempoh hampir empat minit atau enam minit sekiranya berjalan kaki. Pejalan kaki, bagaimanapun bergerak dengan langkah yang lebih perlahan iaitu antara 6 ke 10 kaki (1.8m hingga 3m) sesaat. Sekiranya jalan laluan terus (*direct route*) tidak direka bentuk dalam kawasan bandar, pejalan kaki lazimnya akan

mewujudkannya' sendiri. Justeru, adalah penting untuk mewujudkan laluan terus daripada asrama ke bangunan akademik, walaupun dalam era 'automobile', ramai orang masih memperuntukkan lebih masa untuk berjalan kaki berbanding menggunakan kenderaan (Richard, 1999).

2. Artifak Fizikal

Artifak fizikal dalam kampus antaranya objek sintetik yang dibuat dan ditempatkan di sekitar kampus untuk tujuan tertentu contohnya sebagai panduan arah, memberi semangat atau untuk memberikan peringatan. Artifak berkenaan lazimnya menyampaikan mesej bukan lisan yang kuat (*strong nonverbal messages*) berhubung kampus dan kebanyakannya adalah dalam empat bentuk iaitu simbol dan papan tanda, poster atau hasil seni, mural serta struktur fizikal (Banning dan Bartels, 1993 dalam Carney, 2001).

3. Rasa Seronok

Rasa seronok adalah kategori ketiga pengalaman pejalan kaki, selain faktor perlindungan, 'coherence', keselamatan dan minat. Perancangan ruang fizikal kampus yang baik bukanlah dengan sekadar memastikan keselesaan dan keselamatan fizikal sahaja tetapi juga perlu meningkatkan aspek keseronokan pengalaman berjalan kaki melalui penyediaan pelbagai ciri reka bentuk seperti tempat duduk, bangku, bunga-bunga dan elemen perlindungan cuaca (Carney, 2001).

RUJUKAN

Abdul Latif (2001). "Meniti Arus Perubahan: Penilaian , Konsep dan Falsafah Pengurusan Kolej Kediaman Universiti di Malaysia". Universiti Teknologi Malaysia

Abdullah Sani (2005). "Mengurus Disiplin Pelajar". Bentung Pahang:PTS Publications & distributors Sdn. Bhd. 16-35.

Allport G.W. (1961). "Personality: A Psychological Interpretation". New York: Holt and Company. 15-26.

Ahmad Khalid, Noordini Che Man, Mohd Ismahadi Mohd Isa, Mohd Husaini Mohd Rosnan, Norfasih Yusuf dan Umami Kalsom Abidin (2007). "Isu Kemudahan Sosial Bagi Pelajar Antarabangsa: Kajian Kes Kolej Perdana, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 7-22.

Ahmad Zaharudin. (2001). "Kecemerlangan Menerusi Kreativiti". Skudai, Penerbit UTM. 7-12.

Alias Baba. (1999). "Statistik Penyelidikan dan Sudut Sosial". Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 25-30.

Ann (2000). "Residence Hall Furniture: What on the Horizon. College Planning and Management". New York: Holt and Company. 10-12.

AR. Razali Mahyudin (2003). "Perancangan dan Reka Bentuk Penginapan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam". UPM.Serdang Sdn Bhd. 25-27.

Asri Selamat dan Hussain Othman (2005). "Pembangunan Fizaikal dan Lanskap: Panduan Mengurus Kolej Kediaman dan Desasiswa di IPTA." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 112-131.

Astin (1997). "What Matters in College." Francisco; Jossey Bass. 2-3.

Baharin Abu (2007). "Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan UTM Johor." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.

Beudin dan Halpern (1997). "Mass Appeal." *Journal of American School and Universiti*. 70(1). 40-43

Bidin Yatim dan Sharipah So'aad (2002). "Statistik Gunaan." Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Blair Myer Gleen (1991). "Psikology Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 15-16.

Bushrah Binti Basiron, Azhar Bin Muhammad dan Mohd Ismail Bin Mustari. (2007). "Kepentingan Dasar Pengasingan Penginapan Mengikut Gender Bagi Mengatasi Masalah Sosial Di Kalangan Mahasiswa." *Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM 2007 (SPPUTM 07)*. 27-37.

Burns, R. B. (2000). "Introduction To Research Method." 4th. ed. Australia:

Longman. Borden, K. S. dan Abbott, C. J. (2002). "Research Design and Method: A Process Approach." 10th. ed. New York: McGraw Hill.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Carney, C. dan James, S. (2001). "Educating by Design : Creating Campus Learning Environments That Work." United States of America: Jossey-Bass Inc.
- Chickering (1998). "Education and Identity." San Francisco; Jossey Bass.2-4.
- Chua, Yan Piaw (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan." Kuala Lumpur : Mc Graw (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Christopher (1990). "Housing Strategies for the 21st Century; Revitalising Residential Life on Campus." New York: Brown and Bench Mark.122-125.
- Cleave (1996). "Residence Retention; Reasons Students Choose to Return or not To Return." College Student Journal. 30(2).187-199.
- Cohen dan manion. (1994). "Research Method in Education: Rout Ledge." dalam Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Skudai UTM.
- Crowl. (1996). "Fundamentals of Educational Research." City University, New York: Brown and Bench Mark.
- Davies, L. (2000). "Urban Design Compedium." English Partnership, United Kingdom.
- Feldmen (2002). "College and Student." New York. Pergamon press.120-125.
- French. (2000). "Comunity College Residence Hall: A Hidden Treasure". Comunity College Journal of Research and Practice. 20(7).553-574.
- Gliem, J.R. dan Gliem, R.R. (2003). "Calculating, Interpreting and Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient For Likert Type Scale." Columbus: The Ohio State University.



Ismail Zain (2005) "Pengurusan Pelajar dalam Alaf Baru: Isu dan Cabaran." Pulau Pinang. Sinaran Bros. Sdn. Bhd.

Hill, C. (1999). "Housing Strategies for 1st Century: Revitalizing Residential Life on Campus." University Business.

Hussain Othman, Asri Selamat dan Shakila Ahmad (2005). "Persekitaran Kondusif Dalam Asrama Universiti Untuk Pembinaan Insan Yang Seimbang, Cemerlang, Gemilang dan Terbilang." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 139- 146.

Hussain Othman, Asri Selamat, Mohd Shafiee Idris, Shakila Ahmad dan Mokatar Mohamed (2007) "Cabaran Generasi Pertama Pelajar Antarabangsa di Kolej Kediaman Universiti Tun Hussain Onn Malaysia." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2007*. 75- 84.

Izham Shafie (2000). "Pengantar Statistik". Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Jasni Sabri. (2005). "Penyelidikan Pensyarah Cemerlang, Pelajar Gemilang." UPM. Serdang PTD. 40-42.

Kamarul Yusri Khaidzir (2003). "Mengenalpasti Corak Pembelajaran Yang Diamalkan Oleh Pelajar Yang Dikategorikan Sebagai Cemerlang Dan Juga Lemah." Kolej Matrikulasi Pahang : Unit Pengurusan Peniagaan.

Kamal Fuad (2002). "Aspek-Aspek Kualiti Bagi Pengurusan Kualiti Dalam Perkhidmatan Teknologi Maklumat." Universiti Utara Malaysia: Tesis.



PTAHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN
TUN AMINAH

Kamus Dewan (2002). "Kamus Dewan." Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalidah Adibah Hassan (2007). "Pencapaian ISO di Kolej-kolej Kediaman Universiti Malaya." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2007*. 85- 93.

Khalid Johari (2003). "Penyelidikan Dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur." Petaling Jaya: Prentice Hall.

Khalid Mohamed Noor (2002). "Belajar Teknik Belajar." Kuala Lumpur: PTS Publication And Distributor Sdn. Bhd.

Kreji, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size For Research Educational and Psychological Measurement."

Knirk, F. G. (1979). "Designing Productive Learning Environments." Educational Technology Publications: United States of America.

Khalid Yasin (2005). "Menjana Bangsa Bertaraf Global". Pulau Pinang. SPARK. 2006.

Koch, Wesse dan Stickney. (2003). "New Trends in Student Housing: Facility Manager." New York. Pergamon press.125-128

Lau Too Kya dan Zainuddin Awang (2001). "Statistik Asas UiTM." Shah Alam: Fajar Bakti.

Landell, K. (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Sons Inc.

Luscombe, D. (2001). "UNSW Campus: A Guide to Its Architecture, Landscape and Public Art." Australia: University of New South Wales Press Ltd.

Lynch, K. (1971). "Site Planning." United States of America : The Massachusetts Institute of Technology.

Liau. (2000). Close ti Home. 14th Annual Residence Hall Construction Report. American School and University.

Md. Zhahir Kechot (1993). "Produktiviti sesebuah organisasi". Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. Bangi Sdn Bhd.

Moha Asri Hj. Abdullah (2005). "Pengurusan Pelajar Dalam Alaf Baru: Isu dan Cabaran." Pulau Pinang, USM.

Mohd Arifin Ghazali (2006). "Peranan Kolej Kediaman Dalam Perkembangan Kerjaya Mahasiswa." Serdang. Penerbit UPM. 22-24.

Mohamed Fadzil Che Din (2005). "Peranan Kolej Kediaman Dalam Perkembangan Kerjaya Mahasiswa." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 156-164.

Mohd Khalit Othman (2006). "Pakej Pembelajaran Berasaskan Internet : Satu Kajian Terhadap Pakej Pembelajaran Bagi Subjek Matematik untuk Peringkat SPM." Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mustafa Kamal, Mohd Shariff, Razali Mahyuddin (2005). "Perancangan dan Reka Bentuk Penginapan Palajar Institut Pengajian Tinggi Awam." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 23-36.

Mohd. Majid Konting. (1990). Kaedah Penyelidikan, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Majid Konting. (2000). "Kaedah Penyelidikan." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai; Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai; Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Noh Bahar (1994). "Faktor-faktor Yang Mendorong Minat Pelajar-pelajar Di Sekolah Menengah Vokasional." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.

Mohd Pauzi. (2000). "Peranan Kolej Kediaman Dalam Perkembangan Kerjaya Mahasiswa." Serdang. Penerbit UPM.

Murrel dan Denzine (1998). "Comunity College Residence Hall: A Hidden Treasure." Comunity College Journal of Research and Practice. 22(7).663-674.

Nik Rahman Nik Wajis (1999). "Perbetulkan Konsep Pendidikan Anak-Anak." Massa: hal. 62.

Norhayati Shafie (1992). "Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norhanim. (2006). The Impact of Facilities and surrounding on Student Choice of Residential Colleges.UTM

Norizan Abdul Muhid (2005). "Mahasiswa Usah Leka Berpersatuan." Pulau Pinang. SPARK.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Norbaya Ahmad, (2001). "Strategi Pembelajaran dalam Ke Arah Mahasiswa Cemerlang." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 23-36.
- Noor Suriyani. (2003). Kajian Kesejahteraan Hidup dan Pencapaian Akademik Pelajar Wanita Melayu Luar Kampus. *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 2-3.
- Norizan Yahaya (2005). "Ke Arah Kecemerlangan: Peranan Tempat Kediaman untuk Peningkatan Kualiti Hidup Pelajar." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 7-8.
- Nor Asiah Mohamad. (2006). "Merealisasikan Keharmonian Institusi Pendidikan melalui pemantapan Disiplin." Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia. Penerbit UIAM.
- Norsiah Abd. Aziz dan Masliyana Md Noor (2007). "Kriteria Reka Bentuk Persekitaran Kampus Yang Kondusif Bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Noraini Kaprawi, (2003). "Modul Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Penerbit KUiTTHO.
- Nur Azah Abdul Manaf dan Mazlan Mohamad Abdul Hamed (2000). "Statistik." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Pascarella, Terenzini, and Blimbing (1994). "The Impact of Residential Life on Students." San Francisco; Jossey Bass.
- Pascarella dan Taranzini (2001). "How College affects students: Finding and Insights from 20 years of Research." San Francisco: Jossey Bass.



PPTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Proshanky, Harold, M. (1979). "Environmental Psychology: People and Their Physical Setting." United States of America: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Rahim M.Sail. (2000). Pengurusan Asrama untuk Pembangunan Komuniti Mahasiswa Cemerlang. *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 18-36.
- Rahim M. Sail. (2001). "Kearah Memastikan Mahasiswa Sentiasa Sihat untuk Belajar: Peranan dan Cabaran Kepada Universiti Pada Masa Kini." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 30-40.
- Razali Ahmad. (2006). "Pengurusan Asrama Ke Arah Pembentukan Mahasiswa Berketerampilan Glokal." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 20-28.
- Richard, P. D. (1999). "Environmental Design." New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Robert, M. G. (1970). "The Condition of Learning Learning." Educational Technology Publications : United States of America.
- Roger, Y. (2005). "Educational Environments: No 2." New York: Visual Reference Publications Inc.
- Sabitha Marican (2005). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial." Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Saifullah (2003). "Residential Satisfaction and Academic Achievement of Male UPM." Out-campus Student Poster Presentation at UPM Research Development Exposition. 8 July 2005.



Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2004). "Psikologi Pembelajaran dan Personaliti." Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Shamsiah Mohd. Amin, Shahrulbanun A.Ghani dan Azaiah Ab. Latib (2005). "Konsep Dan Pelaksanaan Asrama Selamat." *Prosiding Seminar Pendidikan 2005*. 10-23.

Shatar. (2002). *Pelajar Berstrategi, Pelajar Cemerlang*. Serdang: Penerbit UPM

Shuhana Shamsuddin, Ahmad Bashri Sulaiman, Hasanuddin Lamit, Rozeyta Omar, Siti Asmilin Ahmad, (2000) "Perancangan dan Reka Bentuk Penginapan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 1-15.

Sopian Bujang (2007). "Kualiti Perkhidmatan Kolej dan Perasaan Pemilikan Pelajar: Kajian Kes di Kolej Tun Ahmad Zaidi, Universiti Malaysia Sarawak." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 148-156.

Strange, C. C. dan Banning, J. H. (2001). "Creating Campus Learning environments". United States of America: Jossey-Bass Inc.

Suhardi Nordin (2005). "Kampus Dan Ruang Publik." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Sulaiman Ngah Razali (1994). "Mempertingkatkan Mutu Pendidikan Vokasional di Malaysia: Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Arabi Idid (2002). "Kaedah Penyelidikan dan Sains Sosial." Shah Alam: Dewan Bahasa dan Pustaka.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

T.S dan Yeo. (2000). "Kajian Kepuasan Kediaman dan Pencapaian Akademik Pelajar di Kolej Kediaman." Serdang: Penerbit UPM.

Uma Sekaran (1992). "Business Research Methodology." United Kingdom: Golden Books.

Unit Perancang Ekonomi (1999). "Kualiti hidup Malaysia." Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Wesse dan Stickney (2003). "Why Involvement Matters: A Review Research on student Involvement in Collegiate setting." *College Student Affairs Journal*. 17(2), 4-17.

Wiersma. (1995). *Research Method in education: An Introduction*. 6th. Ed. Needham Heights: Ally and Bacon.

Zainur Rijal Abd Razak, Abdul Manan Rahman dan Noraini Abd Rahman (2005) "Pembentukan Modal Insan Pelajar Melalui Aktiviti-aktiviti Kolej Kediaman Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) : Perlaksanaan dan Maklumbalas". *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 171-183.

Zaliazam. (2005). "Pengukuhan Program Berbentuk Membina Psikologi Mahasiswa di Kolej Kediaman. *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 23-36.

Zarinah Hamid (2005). " Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kediaman Asrama di Universiti Islam Antarabangsa: Satu Analisa." *Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005*. 132-138.